

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXVI)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

21. Berapa jumlah tangkapan makanan-makanan eksotik yang telah dilakukan oleh Unit Pemeriksaan/Tindakan Khas Kastam (UPTK) di Pulau Pinang dari tahun 2015 hingga 2020?
- (a) Senaraikan premis di Pulau Pinang yang menjual masakan eksotik seperti kelawar, ular, biawak dan sebagainya?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. Berdasarkan rekod Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Pulau Pinang, tiada tangkapan kes melibatkan makanan eksotik dibuat dari tahun 2015 hingga tahun 2020 di Negeri Pulau Pinang.
- (a) Terdapat satu (1) premis menjalankan urusanniaga melibatkan haiwan eksotik di Pulau Pinang yang berlesen dengan Jabatan PERHILITAN bagi kategori restoran di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Restoran tersebut menjual hidupan liar dari sumber perolehan yang sah melibatkan spesies labi-labi (*amyda cartilaginea*).

Permohonan kebenaran menjalankan urusanniaga melibatkan makanan eksotik akan dipertimbangkan oleh Jabatan PERHILITAN sekiranya memenuhi syarat-syarat lesen di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] dan perlu mengemukakan salinan lesen premis oleh Pihak Berkuasa

Tempatan dan sijil perniagaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Pemilik restoran diwajibkan memenuhi syarat-syarat pemegang lesen dan pemeriksaan penguatkuasaan sentiasa dilakukan terhadap premis oleh Jabatan PERHILITAN.